

## Keberkesanan Kaedah al-Matien dalam Pembelajaran Tilawah al-Quran

Haziyah Hussin<sup>1</sup> & Masitah Ismail<sup>2</sup>

Email: <sup>1</sup>haziyah@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Pensyarah di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

<sup>2</sup> Guru SMK Dato' Sheikh Ahmad, Seremban

### Abstrak

Kaedah Iqra' merupakan teknik yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran di sekolah-sekolah Malaysia bagi membolehkan murid dapat membaca al-Quran dengan cepat. Namun begitu isu kelemahan penguasaan murid dalam tilawah al-Quran secara bertajwid masih tidak dapat diselesaikan. Hal ini mendorong inovasi dan penciptaan kaedah dan teknik pengajaran al-Quran yang baharu. Kaedah al-Matien merupakan satu modul pengajaran al-Quran yang menekankan penguasaan bacaan dan tajwid secara serentak. Artikel ini bertujuan mengkaji keberkesanan kaedah al-Matien secara empirikal dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran di sekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk kuasi eksperimen dalam ujian pra dan pasca ke atas 30 orang responden di Sekolah Kebangsaan Wawasan Seremban 2. Data kajian dianalisis menggunakan ujian t berpasangan ke atas kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penguasaan bacaan al-Quran bagi kumpulan yang menggunakan Kaedah al-Matien berbanding dengan kumpulan kawalan. Selain itu, keupayaan murid menguasai ilmu tajwid secara teori juga lebih tinggi iaitu 66.7% mendapat gred A, berbanding 6.7% sahaja dari kumpulan kawalan. Kaedah al-Matien mempunyai kelebihan yang tersendiri justeru ia wajar dipertimbangkan untuk dilaksanakan sebagai modul pengajaran al-Quran dalam arus perdana.

**Kata Kunci:** *Kaedah al-Matien, Tilawah al-Quran, ilmu tajwid, Kaedah Iqra', inovasi*

## The Effectiveness of the al-Matien Method in the Learning of Quranic Recitation

### Abstract

Iqra' method is a technique applied in the teaching and learning of Quran in Malaysian schools to enable students to read the Quran quickly. However, the issue of weakness in the mastery of the students in the Quran is still not resolved. It encourages the innovation and creation of new Quranic teaching methods and techniques. The method of al-Matien is a teaching module of the Quran that emphasizes the mastery of readings and tajwid simultaneously. This article aims to examine the effectiveness of al-Matien's method empirically in the teaching and learning of the Quran in schools. This study used a quantitative quasi-experimental approach in the pre and post-test of 30 respondents at Sekolah Kebangsaan Wawasan Seremban 2. The data were analyzed using paired t test on an experimental group and a control group. The findings show that there is a significant difference in the ability to read the Quran for group using the al-Matien method compared to the control group. In addition, students' ability to master the *tajwid* in theory is also higher, ie 66.7% obtained Grade A, compared to 6.7% from the control group. The al-Matien method has its own advantages and it is desirable to be considered as a Quranic teaching module in the mainstream.

**Keywords:** *al-Matien Method, Quranic Recitation, Science of Tajwid, Iqra' Method, innovation*

### 1. Pengenalan

Tilawah al-Quran adalah salah satu komponen daripada mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah yang menekankan keupayaan pelajar membaca al-Quran dan menguasai ilmu tajwid. Kaedah Baghdadiyah ialah kaedah yang pernah digunakan suatu ketika dahulu dalam pengajaran dan pembelajaran manakala kaedah Iqra' mula digunakan dalam sistem pendidikan kebangsaan pada tahun 1995. Di samping itu beberapa kaedah lain seperti kaedah Hatawiyah, al-Barqy, al-Baghdadi, al-Matien dan Haraki digunakan dalam pengajian al-Quran secara umum. Biar apa pun teknik pengajaran dan pembelajaran yang diperkenalkan, dan menggunakan apa jua nama, semuanya mesti berteraskan kepada metode *talaqqi* dan *mushafahah* dengan berorientasikan guru. Guru menyampaikan bacaan al-Quran kepada murid dan murid mengambil bacaan

tersebut daripada guru dengan menyaksikan pergerakan bibir guru semasa menyebut atau membacanya. Inilah metode yang digunakan zaman berzaman semenjak penurunan al-Quran kepada Nabi Muhammad saw dan dibudayakan oleh generasi salaf dan ulama terdahulu bukan sahaja dalam pengajian al-Quran malah ilmu-ilmu yang lain.

Namun begitu isu kelemahan penguasaan murid sekolah dalam tilawah al-Quran secara bertajwid masih tidak dapat diselesaikan. Hal ini mendorong ilmuwan melakukan inovasi serta mengubahsuai kaedah dan teknik sedia ada seterusnya menghasilkan teknik pengajaran yang baharu. Antara teknik baharu ialah Kaedah al-Matien yang diperkenalkan pada tahun 2009. Artikel ini menganalisis potensi kaedah al-Matien untuk diaplikasikan dalam pendidikan kebangsaan justeru keberkesannya diuji secara kuasi eksperimen dalam ujian pra dan pasca berbanding dengan kaedah Iqra'.

## 2. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kuasi eksperimen yang menggunakan instrumen soalan ujian pra dan pasca bagi mendapatkan maklumat daripada sampel kajian, iaitu 30 orang murid tahun 1 di Sekolah Kebangsaan Wawasan Seremban 2. Pemilihan sampel adalah berdasarkan pencapaian mereka yang hampir sama dalam peperiksaan pertengahan tahun tanpa mengambil kira aspek jantina. Ujian pra mengandungi 30 soalan subjektif berkaitan dengan asas membaca al-Quran, hukum tajwid mad asli dan hukum nun sakinah. Manakala ujian pasca pula terdiri daripada 30 soalan mengenai asas hukum mad asli dan tajwid yang berbeza. Kedua-dua instrumen ini disahkan oleh pegawai Unit Pengurusan Kelas Kemahiran al-Quran dan Subjek Elektif, Sektor Pendidikan Islam dan guru pakar Kelas Khas Kemahiran al-Quran Negeri Sembilan.

Ujian pra dilakukan ke atas semua responden dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, yang menggunakan kaedah Iqra' dalam pembelajaran al-Quran. Kemudian kumpulan eksperimen diajar al-Quran oleh guru Pendidikan Islam dan guru KAFA dengan menggunakan kaedah al-Matien, manakala kumpulan kawalan menggunakan kaedah Iqra'. Setelah 20 sesi pengajaran, kedua-dua kumpulan ini diberi ujian pasca bagi menentukan tahap penguasaan ilmu tajwid.

Data dianalisis secara inferensi bagi menguji hipotesis ke atas kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Analisis menggunakan ujian-t berpasangan di bawah formula  $p < 0.05$  untuk menentukan perbandingan antara dua kumpulan sampel pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar.

## 3. Kaedah al-Matien dan elemen inovasi dalam pembelajaran al-Quran

Penggunaan kaedah yang tepat dan sesuai merupakan salah satu faktor yang menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (Fatimah 2002). Oleh itu, pelbagai kaedah, teknik dan modul diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang bertujuan membantu masyarakat boleh membaca al-Quran dengan cepat dan lancar. Kaedah *Baghdadiyah* adalah kaedah pertama dan paling awal digunakan di Malaysia malah digunakan secara meluas di seluruh dunia. Ia berasal dari Baghdad, Iraq dan diperkenalkan di Malaysia seiring dengan kedatangan agama Islam di Tanah Melayu suatu ketika dahulu (Mohd Aderi 2004). Kaedah *Baghdadiyah* menggunakan kitab *Muqaddam* yang memperkenalkan kepada murid tiga peringkat pembelajaran, iaitu mengenal huruf *hijaiyyah*; mengenal baris (tanda baca) dan ejaan; serta mengeja dan membunyikan huruf yang berbaris (Ismail 1992). Selepas itu, barulah murid itu akan membaca al-Quran, bermula dengan surah al-Nas hingga surah al-Naba'. Murid yang sudah menamatkan bacaan juzuk 'Ammah, guru al-Quran akan mengajarnya pula membaca surah al-Baqarah dalam beberapa ayat atau satu halaman mashaf atau sejumlah ayat tertentu mengikut tahap keupayaan murid, kemudian diikuti surah-surah yang lain sehingga juzuk ketiga puluh.

Kaedah kedua ialah Iqra'. Pengajaran al-Quran berasaskan kaedah *Iqra'* mula diperkenalkan pada tahun 1988 di Yogyakarta, Indonesia bagi menangani masalah buta huruf al-Quran. Pengasas kepada kaedah ini ialah Haji As'ad Humam menginovasikan Kaedah *Baghdadiyah* yang sedia ada dan menyusun enam jilid buku *Iqra'* untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Setelah diuji dan terbukti berkesan, kaedah ini digunakan secara rasmi di Indonesia pada tahun 1992 (As'ad Humam 1998). Ia memperkenalkan pengajaran membaca al-Quran mengikut kaedah bunyi tanpa perlu terlebih dahulu mengenal huruf hijaiyyah dan baris (tanda baca). Sebaliknya murid terus diajar secara bertahap, bermula dengan membunyikan huruf berbaris secara tunggal, bersambung, kalimah al-Quran dan diikuti petikan ayat al-Quran. Kaedah ini juga mengutamakan bimbingan dan latihan tubi kepada para pelajar (Mohd Naim 2003). Tidak dapat dinafikan keberkesanan kaedah ini dalam membantu seseorang murid dapat membaca al-Quran. Sehubungan dengan itu kaedah *Iqra'* telah diterima oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan digunakan sebagai modul

pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi murid sekolah rendah pada tahun 1995. Kaedah ini terus digunakan sehingga sekarang sebagai modul asas dalam program j-QAF di seluruh Malaysia (KPM 2004) dengan harapan isu keciciran murid dan kelemahan membaca al-Quran dapat diatasi.

Kedua-dua kaedah ini diterima baik dan digunakan sekian lama dalam masyarakat dan pendidikan kebangsaan (Masitah 2017). Kaedah Iqra' dikatakan sebagai salah satu cara untuk mempelajari al-Quran dari segi mengenal bunyi dan membaca al-Quran secara pantas. Jangkaan bagi seseorang pelajar dapat mengenal dan membaca huruf-huruf Hijaiyyah al-Quran berdasarkan teknik ini adalah dalam masa di antara 3-6 bulan bagi kanak-kanak yang berumur 4-5 tahun. Malah ia bersifat lentur dan mudah justeru boleh dipelajari oleh sesiapa, bermula dari kanak-kanak seawal usia pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah bahkan orang dewasa yang belum mahir membaca al-Quran akan dapat dan mampu membacanya (Norsyida 2014).

Selain daripada dua kaedah tersebut, beberapa kaedah atau teknik lain diperkenalkan di negara ini, namun kurang mendapat perhatian. Antaranya ialah Kaedah Cepat Membaca al-Quran al-Barqy. Kaedah ini diasaskan oleh Ustaz Muhadjir Sulthon pada tahun 1965. Matlamatnya adalah untuk memperkenalkan satu kaedah sistematik yang memudahkan anak-anak untuk membaca ayat al-Quran yang bersambung dengan cepat seperti kilat, sesuai dengan penamaan kaedah ini sebagai al-Barqy. Pengajaran al-Quran dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan empat set kata kunci. Setiap satu kata kunci terdiri daripada empat huruf yang memiliki makna yang mudah difahami. Tiga sistem asas yang mendasari kaedah al-Barqy ialah pengamatan bentuk dan bunyi huruf, pemilihan dan pemisahan kalimat, serta pepaduan kalimat berasaskan bahasa Arab. Beberapa surah iaitu al-Fatihah, al-Nas, al-Falaq, al-Ikhlas, al-Nasr, al-Masad, al-Fil, Quraisy, al-Ma'un dan al-Kauthar dijadikan sampel bagi aktiviti membaca al-Quran secara bertajwid. Modul pembelajarannya dibantu dengan nasyid, buku aktiviti, kad tunjuk, carta dan panduan mengajar. Kepelbagaian teknik ini membolehkan anak-anak dapat menguasai bacaan al-Quran selepas melalui 48 sesi pembelajaran dan setiap sesi hanya mengambil masa 30 minit sahaja (Muhadjir, Arwani & Md Iskandar 2001).

Kaedah Qiraati juga muncul di Indonesia pada awal tahun 1970 an dan dibawa masuk ke Malaysia. Menurut Yusman Nuzar (2000), kaedah ini diasaskan oleh seorang guru al-Quran, Kiyai Haji Dahlan Salim Zarkasyi dari Semarang, Jawa Tengah, Indonesia dengan hasrat membolehkan semua orang Islam khususnya kanak-kanak dapat membaca al-Quran. Pada peringkat awal, kaedah ini dimuatkan dalam 10 buah buku, kemudian ia dikemaskini menjadi lapan, enam, dan akhirnya lima jilid sahaja. Kaedah ini bermula dengan pelajaran asas seperti pengenalan huruf *hijaiyyah* hinggalah kepada peringkat yang lebih susah seperti bacaan huruf *qalqalah*. Kaedah ini masih digunakan sehingga kini di peringkat pendidikan awal kanak-kanak (Misnan 2008). Bagi membantu golongan yang tidak tahu tulisan jawi, kaedah *Hattawiyah* diperkenalkan oleh Drs. Haji Mohd Usman dari Riau Sumatera. Berdasarkan pengalamannya dalam bidang pengajaran al-Quran selama 30 tahun, beliau mencetuskan kaedah mempelajari al-Quran dengan cepat dengan menggunakan ejaan rumi. Seseorang murid itu boleh membaca al-Quran dalam tempoh pembelajaran selama 4 ½ jam atau 6 kali belajar, terutama kepada mereka yang sudah lancar membaca tulisan rumi (Masitah 2017).

Perkembangan pendidikan Islam di negara ini berjaya melahirkan para ilmuwan yang kreatif dan inovatif. Hal ini juga didorong oleh pemerhatian mereka terhadap kelemahan kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang sedia ada sehingga tidak berupaya menyelesaikan isu kebolehan membaca al-Quran khususnya penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan murid sekolah secara tuntas (Mukri 1994; Mohd Alwi 2010). Sehubungan itu, lahirlah beberapa kaedah baharu seperti kaedah *al-Baghdadi*, kaedah al-Matien dan yang terkini kaedah Haraki.

Kaedah al-Baghdadi diasaskan oleh Ustaz Jalaluddin bin Haji Hassanuddin pada tahun 2010. Kaedah ini dikatakan inovatif dan sistematik justeru dapat membantu umat Islam untuk menguasai bacaan al-Quran dengan mudah dan dalam tempoh yang singkat. Kaedah *al-Baghdadi* dan bahan-bahan bantu mengajar terhasil daripada pengalaman pengasasnya yang mengendalikan kursus kaedah *al-Barqy*. Kaedah *al-Baghdadi* menggunakan sistem struktur, analisa dan sintesis (SAS), penyampaian yang padat dan ringkas serta kreatif melalui penggunaan alat bantu mengajar yang dinamakan sebagai alat ketuk yang akhirnya memberikan intonasi ketukan seragam seiring dengan sebutan huruf-huruf Hijaiyyah atau potongan-potongan ayat berdasarkan sukatan pelajaran yang telah disusun. Penggunaan alat ketuk dan teknik intonasi ini bertujuan menarik minat anak-anak untuk belajar al-Quran dengan lebih menyeronokkan serta merangsang kreativiti dan psikomotor mereka seterusnya mengingati apa yang dipelajari. Modul ini dimuatkan dalam dua buah buku iaitu *Tamhid al-Baghdadi* dan *Tajwid al-Baghdadi* yang memperkenalkan kemahiran asas

membaca al-Quran serta menumpukan kepada pengenalan asas bacaan dan asas hukum tajwid secara ringkas dan mudah (Norsyida 2014; Masitah 2017). Kaedah ini dapat mengelakkan pelajar daripada menghafal teori ilmu tajwid yang agak kompleks. Pendekatan ini juga dapat membantu seseorang yang ingin menguasai asas tajwid al-Quran dalam masa yang singkat. Proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran juga diaktifkan dengan penggunaan set al-Baghdadi Playtime, kad imbasan, lagu-lagu dan aktiviti permainan lain (Norsyida 2014).

Kaedah terkini ialah kaedah Haraki yang ditawarkan secara khusus kepada golongan dewasa yang tidak kenal huruf al-Quran untuk belajar membaca al-Quran dengan cepat, mudah dan berkesan. Ia dicipta oleh Zakaria Nasirudin pada Mac 2013. Ia bermula apabila beliau cuba mengajar dua orang pelajarannya di Institut Perguruan Kampus Ipoh Perak yang baru memeluk agama Islam membaca al-Quran. Tanpa diduga kaedah dan teknik yang digunakan telah berjaya membantu dua pelajarannya membaca al-Quran secara bertajwid dalam masa lebih kurang 8 jam. Kemudian beliau telah diminta untuk menyertai pertandingan inovasi di peringkat negeri Perak sempena sambutan Hari Guru Jabaatn Pendidikan Negeri Perak 2013. Dalam pertandingan tersebut beliau telah berjaya meraih pingat emas. Bermula dari kemenangan tersebut beliau telah menyertai beberapa pertandingan lagi di peringkat Antarabangsa 2013 dan 2016 dan Asia 2015. Nama "Haraki" diambil daripada perkataan bahasa Arab yang bererti pergerakan kerana pengajaran al-Quran kaedah haraki banyak menggunakan pergerakan anggota badan terutama pergerakan tangan. Pergerakan tangan digunakan untuk memudahkan pelajar memahami dan mengingat pelajaran yang disampaikan sama ada di peringkat asas itu mengenal huruf hijaiyyah hinggalah di peringkat mengenal bacaan bertajwid (Haraki 2018).

Kaedah al-Matien adalah modul pengajaran al-Quran yang diperkenalkan oleh Mohd Zamri bin Mohd Zainuldin dan Mohamad Wahid bin Abdul Hanif pada tahun 2009. Kaedah ini menggabungkan kelebihan dan kekuatan yang ada dalam dua kaedah lama, iaitu kaedah *al-Baghdadiyah* dan kaedah *Iqra'*. Elemen baharu yang diketengahkan dalam modul ini adalah pencapaian objektif pembelajaran al-Quran yang lebih berkesan dengan menekankan pengenalan huruf kepada pelajar selain mengutamakan penguasaan ilmu tajwid. Kaedah ini juga dikatakan lebih mantap kerana murid boleh menguasai bacaan al-Quran dengan cepat tanpa perlu mengeja. Pada masa yang sama murid akan diajar cara menguasai huruf-huruf *Hijaiyyah* terlebih dahulu secara tunggal, huruf berbaris, bersabdu dan tanwin, diikuti kalimah-kalimah dan petikan ayat al-Quran. Peringkat kedua modul ini memperkenalkan hukum-hukum tajwid dengan teknik yang mudah, bermula dengan hukum mad, hukum nun mati dan tanwin, hukum mim mati, qalqalah, *tafkhim* dan *tarqiq*, hamzah *wasl*, *waqf* dan *saktah* serta bacaan khusus Hafs 'an Asim. Perbincangan tentang tajwid diakhiri dengan sifat dan ciri huruf (Mohd Zamri & Mohd Wahid 2016).

Modul pembelajarannya pula dipersembahkan secara menarik dengan infografik dan penggunaan warna-warni yang dapat menarik minat pembaca selain penggunaan rajah, jadual dan ilustrasi. Ringkasan simbol dan tanda baca dalam al-Quran juga disediakan. Sebagai sebuah modul, kaedah ini menyediakan siri pemantapan bagi setiap tajuk dan latihan pengukuhan serta panduan bagi guru. Kaedah ini boleh dikatakan mendapat sambutan yang sangat baik berdasarkan jumlah cetakannya oleh Telaga Biru Sdn. Bhd. yang sudah mencecah cetakan kesebelas pada tahun 2016.

### 3.3 Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kajian ini memfokuskan kepada keberkesanan Kaedah al-Matien dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran dengan menilai tahap skor responden menggunakan kaedah al-Matien dan kaedah *Iqra'*, serta membuat perbandingan tahap penguasaan pencapaian pelajar membaca al-Quran dengan bertajwid menggunakan kaedah al-Matien dan kaedah *Iqra'*.

#### 1. Tahap Skor Pencapaian Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Pra dan Pasca

Hasil kajian mendapati tahap pencapaian tertinggi responden dari kedua-dua kumpulan dalam ujian pra adalah baik, gred C seorang pelajar sahaja (3.3%). Seramai 4 orang mendapat keputusan lulus, gred D (13.3%) dan 25 orang lagi mendapat keputusan gagal (83.3%). Tiada responden yang mendapat skor cemerlang dan amat baik. Kesimpulannya, skor pencapaian responden dalam ujian ini sangat rendah.

Pencapaian responden dari kedua-dua kumpulan eksperimen dalam ujian pasca menunjukkan peningkatan yang sangat mendadak. Dapatan kajian menunjukkan seramai 11 orang responden mendapat keputusan cemerlang (36.7%) iaitu gred A, seramai 10 orang mendapat keputusan amat baik (33.3%) iaitu gred B dan seramai 5 orang pelajar mendapat keputusan lulus (13.3%) iaitu gred D dan tiada seorang pun pelajar yang gagal (0.00%) iaitu gred E.

Analisis skor ujian pra dan pasca bagi kedua-dua kumpulan ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Analisis skor ujian pra dan pasca

Gred	Skor Markah	Tahap	Ujian Pra		Ujian Pasca	
			Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
A	70-100	Cemerlang	0	0	11	36.7
B	60-69.99	Amat Baik	0	0	10	33.3
C	50-50.99	Baik	1	3.3	5	16.7
D	40-40.99	Lulus	4	13.3	4	13.3
E	1-39.99	Gagal	25	83.3	0	0
<b>Jumlah</b>			<b>30</b>		<b>30</b>	

Sumber: Masitah (2017)

Perbandingan pencapaian pelajar dalam kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen masing-masing dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 2: Skor ujian pra dan pasca antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen

Gred	Skor Markah	Tahap	Kumpulan Kawalan		Kumpulan Eksperimen	
			Ujian Pra	Ujian Pasca	Ujian Pra	Ujian Pasca
A	70-100	Cemerlang	0	1 (6.7%)	0	10 (66.7%)
B	60-69.99	Amat Baik	0	5 (33.3%)	0	5 (33.3%)
C	50-50.99	Baik	0	5 (33.3%)	1 (6.7%)	0
D	40-40.99	Lulus	2 (13.3%)	4 (26.7%)	2 (13.3%)	0
E	1-39.99	Gagal	13 (86.7%)	0	12 (80%)	0
<b>Jumlah</b>			<b>15</b>	<b>15</b>	<b>15</b>	<b>15</b>

Sumber: Masitah (2017)

Analisis mendapati tahap skor pencapaian kedua-dua kumpulan dalam ujian pra tidak banyak perbezaan. Sisihan piawai peratus gagal 6.7% sahaja dan semua pelajar lulus ujian tersebut. Hal ini adalah kerana mereka belajar al-Quran menggunakan kaedah yang sama iaitu kaedah Iqra'. Skor pencapaian kumpulan kawalan dalam ujian pasca adalah sederhana meskipun ada peningkatan dan semua pelajar memperoleh gred lulus. Hal ini berbeza dengan kumpulan eksperimen kerana peningkatan secara mendadak, dengan sisihan 60% pelajar mendapat skor cemerlang.

## 2. Penguasaan Tajwid

Penguasaan pelajar dalam ilmu tajwid diuji dengan *independent sample t test*. Kajian menunjukkan wujud perbezaan yang sangat signifikan antara kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah Iqra' dan kumpulan eksperimen yang menggunakan kaedah al-Matien dalam ujian pasca. Hasil menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan kaedah al-Matien mencapai skor yang lebih tinggi daripada kumpulan kawalan dan pelajar boleh menguasai bacaan al-Quran secara bertajwid.

Jadual 3: Perbezaan penguasaan ilmu tajwid antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen

Pembolehubah	Kumpulan	N	Min	SP	dk	t	p
Pengajaran Kaedah al-Matien	Eksperimen	15	97.86	16.86	28	2.770	.010*
Pengajaran Kaedah Iqra'	Kawalan	15	80.66	17.14			

\* Signifikan pada aras signifikan 0.05  $p < 0.05$ . Sumber: Masitah (2017)

Secara keseluruhannya penguasaan bacaan al-Quran pelajar secara bertajwid berada di tahap yang rendah dalam ujian pra dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pra eksperimen dan kumpulan pra kawalan dalam ujian pra. Namun setelah kumpulan eksperimen diajar dengan kaedah al-Matien, tahap penguasaan responden adalah lebih baik.

Ujian t sampel berpasangan pula menunjukkan skor penguasaan pelajar kumpulan eksperimen dalam tajwid dan kebolehan membaca al-Quran secara bertajwid adalah berbeza dalam ujian pra dan ujian pasca. Nilai  $p = 0.00$  menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam kumpulan eksperimen setelah diajar membaca al-Quran dengan kaedah al-Matien. Demikian juga bagi kumpulan kawalan. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan penguasaan tajwid dalam kalangan responden kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan dalam ujian pra dan ujian pasca.

Jadual 4: Tahap penguasaan tajwid bagi kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan

Kategori	Kumpulan	N	Min	SP	Perbezaan min	t	p
Pengajaran Kaedah al-Matien	Ujian pra	15	26.53	11.86	-44.80	-11.648	.000
	Ujian pasca	15	71.33	10.60			
Pengajaran Kaedah Iqra'	Ujian pra	15	27.66	9.61	-25.33	-9.029	.000
	Ujian pasca	15	53.00	10.65			

Sumber: Masitah (2017)

### 3. Perbandingan penguasaan tajwid antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen

Analisis secara ujian t sampel tak bersandar ke atas kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam ujian pra memperlihatkan bahawa tidak ada perbezaan signifikan dalam penguasaan ilmu tajwid. Kedua-dua kumpulan responden menunjukkan pencapaian yang hampir sama sebagaimana dalam jadual berikut:

Jadual 5: Penguasaan tajwid kumpulan pra kawalan dan pra eksperimen

Pembolehubah	Kumpulan	N	Min	SP	Dk	t	p
Pengajaran Kaedah al-Matien	Pra Eksperimen	15	26.53	11.86	28	-.287	.776
Pengajaran Kaedah Iqra'	Pra Kawalan	15	27.66	9.61			

$p > 0.05$

Sumber: Masitah (2017)

Jadual 6: Penguasaan tajwid kumpulan pasca kawalan dan pasca eksperimen

Pembolehubah	Kumpulan	N	Min	SP	dk	t	p
Pengajaran Kaedah al-Matien	Pasca Eksperimen	15	71.33	10.60	28	4.724	.000
Pengajaran Kaedah Iqra'	Pasca Kawalan	15	53.00	10.65			

p&lt;0.05

Sumber: Masitah (2017)

Walau bagaimanapun, hasil ujian pasca dalam Jadual 6 di atas menunjukkan perbezaan yang sangat signifikan antara kumpulan pasca eksperimen dari kumpulan pasca kawalan. Nilai min kumpulan pasca kawalan lebih tinggi. Data ini bermaksud penguasaan tajwid kumpulan responden yang menggunakan kaedah al-Matien adalah lebih baik daripada kumpulan yang menggunakan kaedah Iqra' malah kaedah tersebut memberi kesan terhadap kemampuan responden membaca al-Quran secara bertajwid.

Tuntasnya, setelah pelaksanaan kaedah Iqra' lebih 20 tahun sebagai modul pengajaran dan pembelajaran al-Quran di sekolah-sekolah rendah di Malaysia, sudah tiba masanya keberkesanan kaedah ini dikaji semula secara menyeluruh. Isu kelemahan murid menguasai bacaan al-Quran atau tidak tahu membaca al-Quran yang masih berlaku (Mohd Naim 2003; Mohd Aderi 2004) mungkin juga bukan berpunca dari modul kaedah Iqra' tetapi faktor-faktor lain seperti kelemahan pelaksanaan dan kemahiran guru dalam modul dan penyampaian atau mungkin juga ketidakcukupan tempoh pembelajaran. Bahkan tempoh enam bulan pertama yang diperuntukkan untuk pelajar tahun satu menguasai bacaan buku Iqra 1 hingga 6 adalah tidak mencukupi (Abd Halim et.all 2013). Dari aspek keberkesanan, kajian Norsyida (2014) merumuskan bahawa Kaedah al-Baghdadi lebih berkesan berbanding kaedah Iqra' dari sudut keupayaan murid menyebut huruf dan membaca al-Quran secara bertajwid. Ia juga lebih praktikal pada masa kini dalam usaha menyediakan kanak-kanak yang boleh membaca al-Quran dengan baik. Hal ini tidaklah menghairankan kerana Mohd Aderi (2011) berpendapat, kaedah pengajaran tilawah al-Quran secara tradisional menyebabkan pelajar berasa bosan dan kurang aktif. Oleh itu penggunaan kaedah al-Baghdadi atau teknik-teknik terbaharu yang lain adalah perlu bagi meningkatkan keberhasilan pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Malah kajian ini telah membuktikan keberkesanan kaedah al-Matien terhadap penguasaan murid dalam membaca al-Quran secara bertajwid justeru ia memberi impak yang tinggi berbanding penggunaan kaedah Iqra'.

#### 4. Kesimpulan

Kaedah al-Matien merupakan salah satu teknik baharu yang diketengahkan dan dibuktikan keberkesanannya dalam meningkatkan keupayaan murid membaca al-Quran secara bertajwid di samping menguasai ilmu tajwid secara teori. Hal ini kerana kaedah ini menekankan kemahiran guru dalam modul sebelum mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan bacaan al-Quran bagi kumpulan yang menggunakan Kaedah al-Matien berbanding dengan kumpulan kawalan. Selain itu, keupayaan murid menguasai ilmu tajwid secara teori juga lebih tinggi iaitu 66.7% mendapat gred A, berbanding 6.7% sahaja dari kumpulan kawalan. Jelasnya Kaedah al-Matien mempunyai kelebihan yang tersendiri justeru ia wajar dipertimbangkan untuk dilaksanakan sebagai modul pengajaran al-Quran dalam arus perdana.

#### RUJUKAN

- As'ad Humam. 1998. *Iqra' Cara Cepat Belajar Membaca al-Quran Resam Uthmani*. Selangor: Darul Kitab Sdn. Bhd.
- Haraki. 2018. Sejarah Penubuhan. [<http://haraki.my/v2/mengenai-kami/>]. 28 Oktober 2018.
- Ismail Abd. Rahman. 1992. *Pendidikan Islam di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2004. *Buku Panduan Pelaksanaan Program Iqra' dan Jawi Enam Bulan Pertama*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
- Masitah Ismail. 2017. Aplikasi Kaedah al-Matien dalam pengajaran al-Quran di Sekolah Kebangsaan

- Wawasan, Negeri Sembilan. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh. 2011. The practice of teaching recitation of Quran: a review on the perception of teachers at daily secondary schools in Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1): 57-72.
- Mohd Aderi Che Noh. 2004. Celik al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu Zon Pudu, Kuala Lumpur. Projek Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, UKM
- Mohd Mukri Abdullah. 1994. Keberkesanan Iqra' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran. *Prosiding Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohd Naim Mat Salleh. 2003. Pencapaian tilawah al-Quran melalui Kaedah Iqra' di sekolah-Sekolah Rendah Kebangsaan Daerah Setiu, Terengganu. Projek Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zamri Mohd Zainuddin & Mohd Wahid Abd. Hanif. 2016. *Mantap Mengaji dengan Formula Tajwid Ringkas dan Mudah Kaedah al-Matien*. Cet. 11. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muhadjir, Arwani & Md Iskandar. 2001. *Kaedah Cepat Membaca al-Quran al-Barqy (secepat kilat)*. Kuala Lumpur: Riyaadhul Ameen Sdn. Bhd.
- Norsyida Binti Md Zin. 2014. Kaedah Bacaan al-Quran Teknik Iqra' dan al-Baghdadi di Kuala Lumpur: Kajian Perbandingan. Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya.
- Yusman Nizar. 2000. Pengajian al-Quran dengan Sistem Qiraati di Taman Qiraati Bangi. Projek Penyelidikan, Fakulti Pendidikan UKM.
- Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail, Amal Hayati Md. Noor & Mohd Izzuddin Mohd Pisol. 2013. Penilaian Guru terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah al-Quran Program j-QAF 1AB. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 3 (June): 1-17